

HUBUNGAN ANTARA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN HARIAN BAGI GOLONGAN BELIA MELAYU DI KUALA LUMPUR

*(The Relationship Between Income and Daily Consumption of
Malay Youth in Kuala Lumpur)*

Nur Jannah Bukhari, Kim Keum Hyun & Aida Idris

ABSTRAK

Di bandar, aktiviti berbelanja menjadi semakin mencabar kerana lambakan penawaran barangan adalah lebih banyak, dan tidak terbatas berbanding jika di luar bandar. Namun demikian, ketika berbelanja terdapat faktor-faktor yang menyebabkan perbelanjaan bagi memenuhi satu-satu keperluan berbeza, terutamanya adalah faktor ekonomi. Keterbatasan sumber ekonomi iaitu pendapatan akan menyebabkan pengguna terpaksa menilai dan menentukan keperluan apakah yang perlu dipenuhi terlebih dahulu. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis hubungan antara perbelanjaan dan pendapatan. Kajian ini telah dijalankan ke atas 422 orang belia Melayu di Kuala Lumpur dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan yang melibatkan kriteria-kriteria khusus seperti berumur antara 20-39 tahun, tinggal dan bekerja di Kuala Lumpur, dan tingkat pendapatan. Satu set borang soal selidik digunakan untuk mengkaji konstruk yang terpilih. Data dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Jenis analisis yang digunakan adalah kaedah analisis deskriptif bagi melihat latar belakang responden dan kolerasi Spearman rho bagi menentukan hubungan antara perbelanjaan bagi keperluan harian dan pendapatan. Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan dan perbelanjaan bagi keperluan harian dengan makna yang lain, peningkatan pendapatan tidak semestinya akan menyebabkan perbelanjaan bertambah. Kajian ini juga membincangkan limitasi serta cadangan untuk kajian pada masa hadapan.

Kata kunci : keperluan, pola perbelanjaan, pendapatan, belia, bandar.

ABSTRACT

Spending activities in the urban area become more challenging where various goods being offered compared than a rural area. However, several factors may affect the spending on needs, especially economy factors. The limitation of the economic sources which is an income leads the people to evaluate which of the needs should be fulfilled first. The study was conducted to analyse the relationship between income and expenditure based on several needs. 422 Malay youth in Kuala Lumpur participated in this survey. A purposive sample has been used in order to choose responded that meet the criteria for this study needed such as age within 20 to 39 years old, work and live in

Kuala Lumpur and income. A set of the questionnaire has been used to investigate the variables involved and later will be analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) by descriptive analysis for the demographic section, Spearman rho correlation test for investigating the relationship between income and expenditure on needs. This studies showed that there's no significant relationship between income and needs. In other words, the increases in income not necessarily increase the expenditure. This study also discusses the limitation and suggestion for the future study.

Keywords: needs, expenditure, spending behaviour, youth, urban.

PENGENALAN

Di bandar, perbelanjaan harian akan lebih beragam dengan adanya barangan dan perkhidmatan yang tersedia untuk memenuhi keperluan tiap lapisan masyarakat sama ada berdasarkan tingkat umur, jenis kaum, gender, dan juga kumpulan pendapatan. Berbelanja adalah aktiviti yang melibatkan pengeluaran sebahagian daripada pendapatan isi rumah bagi memperoleh dan menggunakan barang dan perkhidmatan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan harian. Terdapat beberapa takrifan mengenai kecenderungan masyarakat berbelanja antaranya Zukin dan Maguire (2004) merujuk berbelanja sebagai proses pemilihan barang dan perkhidmatan yang melibatkan aspek sosial, budaya, dan ekonomi; manakala Schiffman, Hansen, dan Kanuk (2007) berpendapat ianya adalah tingkahlaku pengguna dalam mencari, dan menilai produk bagi memenuhi keperluan, dan merupakan langkah terakhir bagi memenuhi keperluan peribadi (Kotler dan Armstrong 2007).

Terdapat pelbagai dorongan, faktor, dan pengaruh berbeza yang perlu dipertimbangkan sebelum meneruskan perbelanjaan antaranya adalah pendapatan. Solomon (1996) menegaskan mereka akan mempertimbangkan tahap kemampuan dahulu dan jika merasakan ketika itu bukan waktu yang terbaik untuk berbelanja, mereka akan mengutamakan perbelanjaan bagi keperluan asas, sementara menangguhkan keperluan-keperluan lain.

Namun demikian dalam berbelanja untuk memenuhi keperluan, terdapat pelbagai cabaran yang bakal dihadapi lebih-lebih lagi jika mereka tergolong dalam golongan berpendapatan rendah. Ini disebabkan oleh kurangnya kuasa membeli akibat faktor ekonomi yang terbatas, dan harga barangan yang semakin meningkat. Keadaan ini menjadi bertambah sukar lebih-lebih lagi jika menetap di kawasan bandar. Creek (1959, 80) yang melihat migrasi berterusan secara besar-besaran sekitar tahun 1950an menyebabkan pengguna yang berlatarbelakangkan citarasa dan tingkahlaku berbelanja yang berbeza perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu. Dengan erti kata yang lain, lebih banyak wang yang perlu dibelanjakan.

Kepadatan penduduk di bandar menghasilkan lambakan penawaran produk dan barangan yang cenderung untuk memenuhi kepelbagaian latar belakang masyarakat. Secara tidak langsung, identiti ciptaan dalam kumpulan tertentu yang memerlukan lebih perbelanjaan wang terhasil. Oleh itu, ketersediaan produk dan barangan ini membuka ruang pilihan yang pelbagai kepada pengguna atau pembeli, dan ianya bergantung kepada kebijaksanaan mereka untuk memilih dan merancang agar sesuai dengan kemampuan dan keperluan.

Di bandar, kos sara hidup merupakan isu utama yang sering dibincangkan oleh pelbagai pihak, baik dari kalangan rakyat sendiri ataupun pihak kerajaan. Bank Negara Malaysia (2015)

telah mengelaskan negeri-negeri di Malaysia kepada 3 tahap pembedaran iaitu pembedaran tinggi, sederhana, dan rendah. Negeri-negeri yang mengalami proses pembedaran tinggi iaitu Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya, Pulau Pinang, Melaka, dan Johor menunjukkan kecenderungan untuk mengalami kesan inflasi atau kadar kenaikan kos sara hidup adalah pada kadar yang lebih tinggi berbanding negeri lain. Laporan tersebut turut menunjukkan bahawa golongan berpendapatan antara 20 hingga 40 % terendah merupakan golongan yang paling terkesan akibat inflasi, berbanding golongan pada tingkat pendapatan 60 hingga 20 % tertinggi.

Jika melihat kepada keperluan-keperluan yang terpaksa dihadapi oleh warga bandar ini, terdapat pelbagai keperluan yang perlu dipertimbangkan antaranya mereka terpaksa berdepan dengan perbelanjaan tambahan berbanding jika menetap di kawasan luar bandar, seperti kos bagi perjalanan harian. Bagi perbelanjaan tol, kos ini mengalami peningkatan antara 18 hingga 80 % sejak 2015 iaitu antara 20 sen sehingga RM4.70 (Astro Awani 2015), dan terpakai di beberapa tol antaranya Plaza Tol Damansara, lebuh raya Damansara-Puchong (LDP), dan lebuh raya Kajang Seremban (LEKAS) (Harian Metro 2015).

Pengangkutan awam yang menjadi pilihan warga kota untuk bergerak dengan kos yang rendah turut mengalami kenaikan tambang pengangkutan awam iaitu transit aliran ringan (LRT) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang telah berkuatkuasa sejak 2015. Kenaikan tambang ini mencecah 100 %, iaitu antara RM1 hingga RM4.40, atau 40 sen bagi setiap kilometer (Utusan Malaysia 2015). Kesan dilema yang dihadapi warga kota ini dibuktikan dengan laporan oleh tahunan Bank Negara (2018) dengan menekankan bahawa mereka terutamanya golongan bujang memerlukan sekurang-kurangnya RM2700 sebulan untuk meneruskan kelangsungan hidup. Keadaan ini sedikit sebanyak memerlukan mereka untuk merombak pecahan perbelanjaan sedia ada supaya perbelanjaan bagi keperluan yang lain turut dapat dipenuhi.

Merujuk kepada tingkat pendapatan antara kaum, kaum Melayu dilihat antara kaum yang paling terkesan akibat kos sara hidup ini. Merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi (2014), kaum Melayu dan India merupakan kaum majoriti yang tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah (B40) iaitu sebanyak 17.1 % manakala hanya 16.3 % sahaja kaum Cina yang tergolong dalam kumpulan ini. Bagi golongan 40 % pertengahan (M40), kaum Melayu turut merupakan majoriti kaum iaitu sebanyak 37.4 %, kaum Cina sebanyak 36.8 %, manakala kaum India sebanyak 36.2 %. Bagi golongan 20 % tertinggi (T20), kaum Melayu merupakan minoriti kaum iaitu sebanyak 45.5 % manakala kaum Cina sebanyak 46.9 % dan kaum India sebanyak 46.7 %. Statistik ini menunjukkan bahawa golongan Melayu lebih banyak tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah dan pertengahan berbanding kaum lain. Maka, dapat dirumuskan bahawa kuasa membeli dan berbelanja bagi kaum Melayu adalah lebih kecil berbanding kaum lain.

Oleh kerana kaum Melayu mempunyai pendapatan yang lebih rendah berbanding kaum lain, mereka telah menjadi penyumbang utama kepada masalah kewangan yang menyebabkan mereka terjerumus ke dalam kebangkrutan. Merujuk kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (2013) sebanyak 18,179 kes bankrap telah didaftarkan semenjak 2007 dengan purata lebih kurang 50 kes setiap hari dan bagi kes yang dilaporkan, kaum Melayu merupakan majoriti yang diisytiharkan bankrap iaitu sebanyak 11,498 kes dan mewakili 52 %, manakala selebihnya adalah kaum Cina iaitu 29 %, 14 % bagi kaum India, dan 4 % bagi lain-lain kaum.

Daripada keseluruhan jumlah kes, Berita Harian (2014) melaporkan bahawa sekurang-kurangnya 6898 orang yang diisytiharkan mufliis antara tahun 2007 hingga Jun 2012 adalah akibat menjadi penjamin sosial iaitu penjamin bagi pinjaman yang bukan untuk tujuan komersial seperti

pendidikan, kenderaan, serta perumahan. Statistik ini menunjukkan bahawa terdapat kontradiksi antara jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dijangka dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang kurang diberi perhatian.

SOROTAN KAJIAN

Dalam memahami apakah sebenarnya keperluan yang mendasari keputusan masyarakat untuk berbelanja secara umumnya, terdapat beberapa sarjana yang telah mengenengahkan keperluan berdasarkan pendekatan masing-masing, antaranya adalah Maslow (1943), Rosenberg (1960), John Burton (1990), Manfred Max-Neef (1992), dan Simon Hertnon (2005).

Jadual 1 : Jenis Keperluan

Pengkaji/ tahun	Abraham Maslow (1943)	Rosenberg (1960)	John Burton (1990)	Manfred-Max Neef (1992)	Simon Hertnon (2005)
Jenis keperluan	Fisiologikal seperti makanan, minuman, tempat tinggal (fisiological)	perhatian atau kasih pada sesuatu (Physical nurturance)	Adil (Distributive justice)	Keperluan asas untuk hidup (Subsistence)	Kelangsungan hidup (Survival) • Kesihatan fizikal (Physical well- being) • Kesihatan mental (Mental well- being) • Persekitaran yang sihat dan selamat (Safe and healthy environment) Perancangan keluarga (Reproduction or limiting) Peningkatan taraf hidup (Betterment) • Penghormatan dari orang lain (More respect from others) • Mendapatkan penghormatan untuk kelebihan diri (More self- esteem)
	Keselamatan (safety and security)	Kebergantungan kepada seseorang (Interdependence)	Keselamatan (Safety and security)	perlindungan (Protection)	
	kepunyaan/kasih (belonging/love)	Kejujuran /keadilan Integriti dalam percintaan (Love integrity)	Kepunyaan (Belongingness)	Perasaan kasih (Affection)	
	mendapatkan penghormatan untuk kelebihan diri(self-esteem)	Hak atau kuasa ke atas sesuatu (autonomy)	mendapatkan penghormatan (Self-esteem)	memahami (Understanding)	
	memenuhi keinginan (self actualization)	Bermain (Play)	Matlamat diri (Personal fulfillment)	penciptaan (Creation)	
		perayaan atau berkabung (Celebrity & mourning)	Identiti (Identity)	Identiti (Identity)	
		Kebersamaan dan semangat dalam satu kumpulan (Spiritual communion)	Kebebasan berbudaya (Cultural security)	Masa lapang (Leisure, idleness)	
			Kebebasan (Freedom)	Kebebasan (freedom)	
			Penyertaan (Participation)	Penyertaan (participation)	

					<ul style="list-style-type: none"> • Menghargai diri dan apa yang dipunyai (Appreciation of life and all that you have) Melakukan kebajikan (Doing good deeds)
--	--	--	--	--	--

Jadual 1 menunjukkan perbezaan keperluan menurut sarjana yang terpilih. Abraham Maslow (1943) dalam “*A Theory of Human Motivation*”, beliau telah mengenengahkan lima jenis keperluan mengikut hirarki. Beliau berpendapat, keperluan yang mendasar perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum keperluan yang lainnya turut dipenuhi. Keperluan tersebut adalah psikologikal (*physiological*), keselamatan (*safety and security*), keperluan kasih (*belonging or love*), kelebihan diri (*self-esteem*) dan memenuhi keinginan (*self-actualization*).

Marshall Rosenberg (1960) kemudiannya dengan model *Non-violent Communication* membahagikan keperluan kepada tujuh, menggunakan pendekatan bahawa keperluan itu bersifat universal dan kesihatan dan kelangsungan hidup adalah penting dan beliau mengelompokkan keperluan-keperluan tersebut dalam beberapa sub-kumpulan. Dengan sistem pendidikan dan budaya yang seringkali mengasingkan manusia daripada keperluan sebenar, ianya dibangunkan bagi menghubungkan keperluan manusia dengan yang lain. Beliau membahagikan keperluan manusia kepada tujuh iaitu pemberian kasih dalam bentuk fizikal (*physical nurturance*), kebergantungan kepada seseorang (*interdependence*), kejujuran dan adil (*integrity*), hak atau kuasa atas sesuatu (*autonomy*), bermain (*play*), perayaan atau berkabung (*celebration and mourning*) dan yang terakhir adalah kebersamaan dan semangat dalam satu kumpulan (*spiritual communion*).

John Burton (1990) pula mengaitkan keperluan dengan keadaan sosial dan politik semasa. Beliau melihat bagaimana keperluan manusia sejagat seringkali diabaikan akibat daripada konflik sosial. Maka, mereka akan menggunakan kekerasan untuk menuntut hak demi memenuhi kepuasan mereka. Beliau menyenaraikan sembilan jenis keperluan iaitu keselamatan (*safety or security*) kepunyaan atau kasih (*belongingness or love*), menghargai diri (*self-esteem*), penghargaan diri (*personal fulfillment*), identiti (*identity*), keselamatan kebudayaan (*cultural security*), kebebasan (*freedom*), pengagihan keadilan (*distributive justice*), dan penyertaan (*participation*).

Manfred Max-Neef (1992) yang merupakan seorang ahli ekonomi, menggunakan pendekatan yang berfokus kepada kepuasan terhadap keperluan manusia yang berhubungkait dengan bahagian tertentu, tahap keupayaan bagi pertumbuhan generasi, dan lain-lain lagi. Beliau juga mengandaikan tidak ada keperluan yang lebih superior berbanding lain seperti yang diujahkan oleh Abraham Maslow kerana setiap keperluan itu mempunyai kepentingan dan makna pada kehidupan manusia. Keperluan yang difokuskan oleh beliau terbahagi kepada sembilan iaitu jumlah keperluan asas yang diperlukan untuk hidup (*subsistence*), penjagaan (*protection*), perasaan kasih (*affection*), memahami (*understanding*), penyertaan (*participation*), masa lapang (*leisure*), penghasilan (*creation*), identiti (*identity*), kebebasan (*freedom*).

Kajian mengenai keperluan yang terbaharu adalah oleh Simon Hertnon (2005) dalam *Theory of Universal Human Needs* yang mengelaskan keperluan manusia hanya kepada dua iaitu

kelangsungan hidup (*survival*) dan kehidupan lebih baik (*betterment*). Menurut beliau, empat perkara utama perlu dipenuhi untuk kelangsungan hidup. Namun, perkara utama iaitu kesihatan fizikal (*physical well-being*) dan kesihatan mental (*mental well-being*) merupakan keutamaan bagi setiap manusia. Setelah itu, diikuti oleh keperluan bagi mendapatkan persekitaran yang sihat dan selamat (*a safety and healthy environment*) zuriat (*Reproduction or limiting reproduction*).

Dalam konteks perbelanjaan masyarakat di Malaysia, terdapat beberapa kajian yang dilakukan untuk melihat perbelanjaan bagi keperluan tertentu antaranya oleh Institut Kajian Khazanah (2016) yang berfokus kepada beberapa jenis perbelanjaan utama iaitu makanan dan barangan perkakas rumah, Nur Aisyatul Alidaniah et al., (2015) yang melihat perbelanjaan bagi memenuhi keperluan dengan kaedah berhutang, Fidlizan Muhammad et al., (2015) dan Mastura Mohamad dan Zakariah Md Sam (2014). Namun demikian, kajian hanyalah terhad kepada perbelanjaan bersifat material.

Bagi masyarakat Melayu, perbelanjaan tidak hanya terhad bagi keperluan material sahaja namun turut melibatkan keperluan sosial untuk memenuhi tanggungjawab dalam keluarga, masyarakat, dan juga agama. Di Malaysia, kajian perbelanjaan bagi aspek budaya atau sosial tidak banyak dilakukan. Kajian seperti ini adalah penting untuk menilai perbelanjaan yang bersifat abstrak dan kurang diketengahkan. Rongwei Chu, Matthew Liu, dan Guicheng James Shi (2015) dalam kajiannya menemukan bahawa pekerja yang beridentiti sosial dari luar bandar lebih mementingkan perbelanjaan terhadap makanan, ubat-ubatan dan keluarga bagi mendapatkan sokongan dan perhatian. Pekerja yang beridentiti sosial bandaran pula lebih cenderung untuk berbelanja bagi keperluan pendidikan anak-anak, pembelajaran dan juga rekreasi.

Oleh yang demikian, perbelanjaan dalam memenuhi keperluan material dan sosial perlu diteliti bagi memahami trend atau pola perbelanjaan semasa yang cenderung diamalkan lebih-lebih lagi oleh golongan muda.

KERANGKA KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat keutamaan dalam berbelanja yang dilakukan golongan belia Melayu dalam kumpulan terendah (B40) dengan pendapatan di bawah RM3900.

Daripada beberapa pendekatan mengenai keperluan yang telah dibincangkan, pendekatan oleh Manfred Max-Neef akan digunakan kerana ianya bersifat menyeluruh; meliputi keperluan fisiologi dan sosiologi (material dan bukan material) dalam menjaga hubungan masyarakat, sesuai dengan konteks masyarakat Melayu yang ingin dikaji. Namun, daripada sembilan keperluan tersebut (keperluan asas, perlindungan, perasaan kasih, memahami, penciptaan, identiti, masa lapang, kebebasan, dan penyertaan), hanya lima yang akan digunakan (keperluan asas, perlindungan, perasaan kasih, identiti, dan masa lapang). Keperluan 'kebebasan', 'penciptaan' dan 'penyertaan' tidak digunakan kerana ianya tidak sesuai dengan konteks kajian yang melihat faktor yang mempengaruhi perbelanjaan manakala keperluan 'perasaan kasih' dan 'memahami' digabungkan kerana membawa makna yang sama.

Untuk menentukan konstruk yang akan diuji dalam kajian ini, perbincangan kumpulan berfokus telah dilakukan bersama informan yang mempunyai kriteria yang diperlukan yang akan digunakan dalam kajian ini iaitu; berumur 20 hingga 39 tahun, menetap dan bekerja di Kuala Lumpur.

HIPOTESIS KAJIAN

Berikut merupakan hipotesis yang ingin diuji bagi kajian yang dilakukan.

H₁ – terdapat hubungan yang signifikan antara kelima-lima keperluan

H₂ - Terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan dan keperluan asas, perlindungan dan kesihatan, keluarga, identiti keagamaan, dan masa lapang.

METOD KAJIAN

Dalam kajian ini, teknik pensampelan bertujuan telah digunakan untuk menentukan kriteria responden yang sesuai dengan keperluan kajian. Responden dalam kajian ini terdiri daripada golongan belia yang berumur antara 20 hingga 39 tahun, bekerja dan menetap di Kuala Lumpur. Lingkungan umur 20 hingga 39 tahun dipilih kerana golongan belia ketika ini diandaikan sudahpun bekerja dan sedang memperbaiki kehidupan. Untuk menentukan jumlah persampelan yang sesuai dengan kajian ini, pendekatan oleh Krejcie dan Morgan (1970) iaitu sekurang-kurangnya 384 sampel bagi populasi bersaiz 250,000 orang dan ke atas telah digunakan. Daripada 450 edaran borang soal selidik yang telah dilakukan di sekitar kawasan Kuala Lumpur, hanya 422 yang boleh digunapakai manakala selebihnya telah rosak.

i) Pengukuran Konstruk

Soal selidik yang digunakan adalah *self-administered questionnaire* yang menggunakan dapatan yang diperoleh berdasarkan perbincangan kumpulan berfokus dan disesuaikan berpandukan pendekatan Lazarfeld (1958) bagi membangunkan konstruk dan item, kemudian melalui kesahan muka bersama pakar sebelum mengukur kebolehpercayaan menggunakan analisis Cronbach dan kesahan secara faktor analisis.

ii) Penganalisaan Data

Jadual 2 : Analisis Kebolehpercayaan Dan Kesahan

Pemboleh ubah pendam	Indikator	Nilai Cronbach Alpha	Bartlett's Test of Sphericity	Nilai KMO
perbelanjaan	Keperluan asas	0.75	0.00	0.772
	Kesihatan dan perlindungan	0.88		
	Keluarga	0.89		
	Identiti keagamaan	0.88		
	Masa lapang	0.73		

Jadual 2 berkenaan analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa konstruk yang ingin diuji mempunyai nilai di atas 0.70 dan mencapai nilai yang ditetapkan seperti menurut Sekaran (2003) iaitu nilai di bawah 0.60 diklasifikan kurang baik manakala anggaran nilai antara 0.70 boleh diterima dan 0.80 merupakan nilai yang baik. Perbelanjaan mempunyai skor bagi Barlett's Test of Sphericity yang signifikan iaitu di bawah 0.05 (<0.05). Bagi nilai KMO, skor yang perlu diperolehi perlu sekurang-kurangnya 0.60, dan skor di bawah 0.6 dianggap lemah. Bagi jadual di atas, perbelanjaan memperoleh skor yang baik iaitu di atas 0.60.

HASIL KAJIAN

Jadual 3 : Profil Demografi Responden (N=422)

Ciri-ciri demografi		Jumlah	% (%)
Jantina	Lelaki	200	48
	Perempuan	222	52
Umur	20 tahun – 29 tahun	355	84
	30 tahun-39 tahun	67	16
Status perkahwinan	Bujang	317	75
	Berkahwin	65	15
	Bercerai; atau bapa atau ibu tunggal	40	10
Tahap pendidikan tertinggi	Penilaian menengah rendah (PMR)	10	3
	Sijil Pendidikan Malaysia (SPM) atau setaraf	96	23
	Sijil tinggi Pendidikan Malaysia (STPM) atau Diploma dan setaraf	56	13
	Ijazah Sarjana Muda	225	53
	Ijazah lanjutan	30	7
	Lain-lain	5	1
Jumlah		422	100

Jadual 3 menunjukkan profil demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Analisis hasil dapatan menunjukkan bahawa 52% daripada responden adalah wanita, majoriti responden (84 %) berumur dalam lingkungan 20 hingga 29 tahun. Lebih daripada separuh (75 %) adalah bujang manakala selebihnya terdiri daripada pasangan yang telah berkahwin, dan juga bercerai hidup ataupun mati. Lebih daripada separuh responden (53%) mempunyai tahap pendidikan sehingga peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Jadual 4 : Analisis Kolerasi Spearman Rho Bagi Hubungan Antara Pendapatan Dan Perbelanjaan

			KE1	KE2	KE3	KE4	KE5
Spearman's rho	KE1	Kolerasi koefisien	1.000	.483**	.422**	.284**	.389**
		Sig. (2-tailed)	.	.000	.000	.000	.000
		N	422	422	422	422	422
	KE2	Kolerasi koefisien	.483**	1.000	.410**	.376**	.367**
		Sig. (2-tailed)	.000	.	.000	.000	.000
		N	422	422	422	422	422
	KE3	Kolerasi koefisien	.422**	.410**	1.000	.564**	.350**
		Sig. (2-tailed)	.000	.000	.	.000	.000
		N	422	422	422	422	422
	KE4	Kolerasi koefisien	.284**	.376**	.564**	1.000	.326**
		Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.	.000
		N	422	422	422	422	422
	KE5	Kolerasi koefisien	.389**	.367**	.350**	.326**	1.000
		Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.
		N	422	422	422	422	422
	PENDAPATAN	Kolerasi koefisien	-.056	.076	.006	-.013	.045
		Sig. (2-tailed)	.205	.083	.891	.772	.302
		N	422	422	422	422	422

**kolerasi signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

Jadual 4 menunjukkan bahawa kesemua perbelanjaan bagi jenis-jenis keperluan berkolerasi secara positif. Keperluan asas-kesihatan dan perlindungan berkolerasi secara sederhana ($r = .483, p < .01$), keperluan asas-keluarga berkolerasi secara sederhana ($r = .422, p < .01$), keperluan asas-identiti agama berkolerasi secara lemah ($r = .284, p < .01$), dan keperluan asas-masa lapang berkolerasi secara sederhana ($r = .389, p < .01$). Oleh yang demikian, hipotesis kajian (H_1) adalah disokong.

Bagi melihat hubungan antara pendapatan dan kelima-lima keperluan yang dikaji, analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah. Pendapatan-keperluan asas berkolerasi secara kuat ($r = -.056, p = .205 > .01$), pendapatan-kesihatan dan perlindungan berkolerasi secara lemah ($r = .076, p = .083 > .01$), pendapatan - keluarga berkolerasi secara lemah ($r = .006, p = .891 > .01$), pendapatan - identiti keagamaan berkolerasi secara lemah ($r = -.013, p = .772 > .01$), dan pendapatan - masa lapang berkolerasi secara sederhana ($r = .045, p = .302 > .01$). Oleh itu, hipotesis kajian (H_2) tidak disokong.

Bagi hubungan antara pendapatan dan keperluan, terdapat beberapa hubungan yang perlu diketengahkan. Pertama, pendapatan yang meningkat tidak menyebabkan pertambahan perbelanjaan bagi keperluan asas secara signifikan. Kedua, pendapatan yang meningkat akan menyebabkan pertambahan perbelanjaan bagi keperluan kesihatan dan perlindungan secara ketara. Ketiga, pendapatan yang meningkat akan menyebabkan perbelanjaan bagi keperluan keluarga meningkat secara minima. Keempat, pendapatan yang meningkat tidak menyebabkan perbelanjaan keperluan agama turut meningkat. Terakhir, pendapatan yang meningkat akan menyebabkan keperluan bagi aktiviti masa lapang turut meningkat.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa belia Melayu di bandar melakukan perbelanjaan bagi keperluan-keperluan yang tidak hanya terbatas kepada keperluan bersifat material semata-mata. Hal ini demikian kerana, dalam menentukan perbelanjaan apakah yang bakal dibuat, tanggungjawab sebagai ahli masyarakat, amalan-amalan dalam agama yang perlu dilakukan turut dipertimbangkan sebelum meneruskan perbelanjaan. Hasil kajian juga mendapati bahawa golongan muda di Kuala Lumpur amat menitikberatkan keperluan bagi ahli keluarga nukleus dan keluarga besar selain daripada keperluan diri sendiri. Ini kerana, mereka sedia untuk memperuntukan perbelanjaan bagi keperluan orang lain bagi menjaga perhubungan sesama mereka; di samping menjalankan tanggungjawab sama ada sebagai anak, ataupun ketua keluarga. Ini menunjukkan bahawa walaupun mereka telah menetap di bandar dan jauh daripada ibu bapa, mereka masih percaya akan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan, dan peri pentingnya menjaga hubungan kekeluargaan. Dapatan kajian ini turut membuktikan bahawa walaupun mereka berdepan dengan cabaran dan kesukaran untuk meneruskan kelangsungan hidup di bandar, mereka masih mengamalkan sikap kolektif dan kurang menitikberatkan sikap individualistik.

LIMITASI DAN CADANGAN UNTUK KAJIAN MASA HADAPAN

Kajian ini hanya terbatas kepada faktor pendapatan yang dilihat sebagai faktor utama dalam menentukan survival golongan belia Melayu di bandar. Untuk mengatasi batasan tersebut pada masa hadapan, disarankan untuk menguji tingkat pendapatan yang berbeza, dan juga faktor demografi lain yang difikirkan akan memberi kesan kepada perbelanjaan.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh dana projek daripada Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu (PKKM), Universiti Malaya.

RUJUKAN

- A, Maslow. 1943. A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50, 370-396
- Astro Awani. (2015), Oktober 22. *Kadar tol naik antara 17 hingga 80% di beberapa lebuhraya*. Retrieved from www.astroawani.com.my
- Bank Negara Malaysia . (2015). *Laporan Tahunan 2015*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Berita Harian. (2014). September 26. *Akta baharu lindungi penjamin*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/node/8012>
- Burton, J. (1990). *Conflict : resolution and prevention*, New York : St Martin's Press.
- Chua, Y. (2014). *Kaedah Penyelidikan*. Selangor: Mc Graw Hill.

- Craig, C. S., & Douglas, S. 2005. Beyond national culture : implications of culture dynamics for consumer research. *International Marketing Review*, 23(3), 322-342.
- Dawn, B. Valentine, & Thomas, L.P. 2013. Generation Y values and lifestyle segments, *Journal of Consumer Marketing*, 30 (7),597-606.
- Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Mohd Yahya Mohd Hussin, & Fatimah Salwa Abdul Hadi. 2015. Kehidupan kelas menengah Malaysia : satu kajian kes mengenai corak perbelanjaan guru dalam pemilikan aset dan pelaburan kewangan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(11), 1-13.
- Harian Metro. (2015), Oktober 12. *Kadar tol 12 lebuh raya naik*. Retrieved from www.hmetro.com.my
- Hertnon, S. (2005). *A theory of universal human needs*, retrieved from <http://simonhertnon.com/a-theory-of-universal-human-needs/>
- Institut Kajian Khazanah. (2016). *The state of household 2*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Khazanah.
- Jabatan Insolvency Malaysia. (2013). *Laporan Tahunan BHEUU*. Retrieved from <http://www.insolvency.gov.my>
- Kotler, P. & Armstrong, G. (2007). *Principle of marketing*. New Jersey: Prentice Hall.
- Kotler, P. (2003). *Marketing management* (11 ed.). Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.
- Krejcie, R. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lazarsfeld, P. F. (1958). Evidence and inference in social research. *Daedalus*, 87(4), 99-130.
- Mastura Mohamad & Zakariah Md Sam. 2014. Sejauhmanakah bebanan hidup belia? *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia*(1).
- Max-Neef, M. (1992). Development and human needs. In P. M.-N. Ekins, *Real-life economics. understanding wealth creation* (pp. 197-213). London: Routledge.
- Mogilner, C. & Norton, M.L. 2016. Time, money, and happiness, *Current Opinion on Psychology*, 10, 12-16.
- Nur Aisyatul Alidaniah, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Mohammed Rizki Moi. (2015). Gelagat hutang isi rumah mengikut kaum di bandar Baru Bangi, Selangor. *Malaysian Journal of Society and Space*(11), 110-119.
- Nur Aisyatul Alidaniah, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Mohammed Rizki Moi. (2015). Gelagat hutang isi rumah mengikut kaum di bandar Baru Bangi, Selangor. *Malaysian Journal of Society and Space*(11), 110-119.
- Rongwei Chu, Matthew Liu Guicheng, & James Shi. 2015. How rural-urban identification influences consumption patterns? Evidence from Chinese migrant workers. *Asia Pacific Journal of Marketing and Logistics*, 27(1), 40-60.
- Rosenberg, M. (2003). *Non-violent communication. A language of life*. California: Puddle Dancer Press.
- Schiffman, L., Hansen H. & Kanuk, L. (2007). *Consumer behaviour : An European Outlook*. London: Pearson Education.
- Sekaran, U. (2003). *Research method for business* (4 ed.). New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Solomon, M. R. (1996). *Consumer behavior* (3 ed.). Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall, Inc.

- Unit Perancang Ekonomi. (2014). *Agihan pendapatan bagi kumpulan isi rumah 20% tertinggi, 40% pertengahan, dan 40% terendah mengikut kumpulan etnik dan strata, Malaysia*. Retrieved from www.epu.gov.my: www.epu.gov.my
- Utusan Malaysia. (2015), Disember 2. *Tambang LRT, KTMB naik hingga 100 %*. Retrieved from www.bharian.com.my
- Whillans, A.V., Dunn, E.W., Sandstrom, G.M., & Dickerson, S.S. 2016. Is spending money on others good for your health? *Health Psychology*, 35(6),574-583
- Zukin, S. & Maguire, J. S. 2004. Consumers and consumption. *Annual Review of Sociology*, 30, 173-197

Nur Jannah Bukhari
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
jannabukhari@gmail.com

Kim Keum Hyun
Jabatan Sosio-Budaya Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
korea@um.edu.my

Aida Idris
Jabatan Polisi dan Perancangan Perniagaan
Universiti Malaya
aida_idris@um.edu.my